

Headline	Golongan muda perlu rebut peluang dalam perniagaan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	04 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	4	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	296 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,480
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,440



## Golongan muda perlu rebut peluang dalam perniagaan

KOTA KINABALU: Golongan muda di negeri perlu merebut peluang dalam perniagaan berasaskan pertanian bagi membantu mengurangkan import makanan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Tan Sri Badruddin Amiruldin berkata, secara keseluruhannya lebih kurang RM74 bilion makanan diimport untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini.

"Ini bermakna peluang perniagaan dalam sektor pertanian amat luas untuk diterokai termasuk dalam bidang sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

"Sehubungan itu kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, menyediakan pelbagai program untuk menggalakkan golongan muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun menceburi perniagaan dalam sektor pertanian.

"Antaranya Program Pembiayaan Mikro Myagrosis Agropreneur Muda, Geran In Kind Contribution (IKC), Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis) dan Agropreneur Muda," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Taklimat Penyediaan Rancangan Perniagaan Bagi Permohonan Geran IKC dan Pembiayaan Mikro Myagrosis Agropreneur Muda Negeri Sabah, di sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Usahawan) Fama Ab. Razak Ab Majid dan Pengarah Fama Negeri Sabah Haji Ribin Haji Wahid.

Badruddin berkata, geran IKC merupakan insentif yang diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam bidang pertanian terutamanya bagi usahawan yang baru memulakan perniagaan dan usahawan yang ingin meningkatkan pengeluaran



**BADRUDDIN** (dua dari kanan), menyampaikan geran IKC kepada Eriy (kiri) dan Nuraqilah (dua dari kiri).

pendapatan.

Selain itu katanya, insentif Geran IKC adalah untuk mengajar usahawan membuat Rancangan Perniagaan bagi memohon pembiayaan di bawah FAMA (RM50,000), Agrobank (RM100,000) dan Tekun Nasional (RM100,000) serta untuk merancang masa depan perniagaan usahawan.

"Skop Program Geran IKC ialah peningkatan pengeluaran dan kualiti pembungkusan, pelabelan dan penjenamaan, pembangunan infra asas dan penambahbaikan premis ke arah persijilan," katanya.

Beliau berkata pada tahun 2015 sehingga tahun ini seramai 436 orang menerima geran IKC dengan nilai geran sebanyak RM6.629 juta.

Katanya, pada tahun 2015 seramai

219 orang penerima dengan nilai geran sebanyak RM3.285 juta, 2016 seramai 74 orang dengan nilai geran agihan sebanyak RM1.11 juta dan tahun 2017 (143 orang, RM2.234 juta).

"Daripada 143 penerima geran IKC pada tahun ini di seluruh negara, 17 penerima adalah dari Sabah dengan jumlah agihan geran sebanyak RM255,000," katanya.

Pada majlis itu Badruddin menyampaikan geran IKC kepada dua orang usahawan wanita bernilai RM30,000. Mereka ialah Eriy Dusun dan Nuraqilah Nordin, masing-masing menerima geran sebanyak RM15,000.

Selain itu beliau turut menyampaikan pembiayaan Mikro sebanyak RM45,000 kepada Mohd Dirza Moh Ramlie. - **OLEH MARRYAN RAZAN**